

UMP Anjur Dialog Berkaitan Perundangan Amalan Sihir



Bagi slot pertama bertajuk ‘Amalan Sihir dari Sudut Perundangan’ telah dibincangkan tiga panel yang terdiri daripada Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan, Dr. Mahyuddin Ismail, Ketua Penolong Pengarah (Kanan) Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia, Dr. Aidatul Azura Abd Rani dan Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia, Tuan Musa Awang.

Dialog sesi kedua membincangkan ‘Pengkanunkan Amalan Sihir sebagai satu Kesalahan’ dengan panelnya iaitu Tuan Abbas Noodin, Pengarah Bahagian Keurusetiaan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Prof. Madya Dr. Abdul Rani Kamaruddin dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Ketua Pendakwa Syarie Negeri Sabah, Tuan Sakaria Semela.

Manakala sesi dialog ketiga dengan tajuk ‘Penguatkuasan & Keterangan terhadap Penyihir’ pula melibatkan panelnya iaitu Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Tuan Zamri Kambari, Dr. Zulfakar Ramlee, Penolong Profesor, UIAM dan Tuan Amidon Anan iaitu Mantan Ketua CSI, Makmal Forensik PDRM Bukit Aman . Hadir sama Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang, Yang Arif Dato’ Hj Abdul Rahman Yunos.

Majlis dirasmikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Othman Mustafa dan dalam ucapannya beliau mengharapkan semoga usaha murni ini akan dapat membantu memantapkan lagi sistem perundangan Negara kita dalam usaha membentera jenayah sihir.

“Ilmu dan amalan sihir bukan sahaja diperangi oleh Islam, malah agama lain turut mengutuk dan menghukum pengamal yang terlibat. Ramai raja dan pemerintah ketika zaman gelap eropah membantah penggunaan sihir dalam masyarakat dengan memperkenalkan undang-undang untuk menghukum ahli sihir,” katanya.



Justeru, apabila pihak UMP mencadangkan kepada pihak JAKIM mengenai kajian ini, JAKIM amat terbuka untuk bekerjasama dalam menjayakannya dengan menubuhkan satu jawatankuasa kajian undang-undang sihir yang dipengerusikan secara bersama oleh Penasihat Undang-Undang JAKIM dan juga penyelidik dari UMP.

Tambah beliau, kajian yang dilakukan ini adalah merupakan satu usaha yang baik dan wajar untuk dilaksanakan. transformasi dalam perundangan syariah bagi menyelesaikan isu jenayah sihir yang tertungak perlu dilakukan.

Datuk Othman berkata, pihaknya akan meneliti buku penyelidikan setebal 120 muka surat sebelum membawanya ke peringkat lebih tinggi dan peguam Negara. Malahan jika panel jawatankuasa ini dapat memberikan mekanisma pembuktian sihir di mahkamah, JAKIM tiada masalah untuk membawa perkara ini ke peringkat tertinggi, katanya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Jaringan dan Industri (BJIM), Profesor Dr. Zulkefli Yakob berkata, walaupun UMP sebuah Universiti yang berfokus kepada bidang kejuruteraan namun tetap memberi ruang kepada penyelidik untuk berkarya dan menjalankan kajian ilmiah samada dalam bidang sains atau kemanusiaan.

Beliau yang hadir membacakan teks ucapan Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata program hari ini membuktikan komitmen penyelidik ini melalui program Pemindahan Ilmu dan Kepakaran Kaedah Pembuktian dan Keterangan jenayah Sihir untuk pengubal, pendakwa raya dan penguatkuasa undang-undang Malaysia yang mengambil masa 18 bulan untuk disiapkan dengan melibatkan 39 panel pakar mewakili pelbagai disiplin.

Kajian ini telah dijalankan dengan teliti dan komprehensif berdasarkan disiplin dan kaedah ilmiah. Dalam kajian bersama pihak JAKIM ini berperanan sebagai pemudahcara bagi perlaksanaan Kajian Undang-undang Sihir oleh kumpulan penyelidik yang diketuai oleh pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Dr. Mahyuddin Ismail yang juga Pengarah Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN).



Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 30-04-2015, 12:19:53